



Ruj : (21) KKM.400-9/1/3 Jld. 12

Tarikh : 9 Januari 2020

Semua Pengarah Institusi
Semua Pengarah Kesihatan Negeri
Kementerian Kesihatan Malaysia

YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan,

CAJ KEHILANGAN PAS AKSES KE FASILITI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menerima makluman mengenai kes kehilangan kad / pas akses bagi membolehkan pelawat / pegawai memasuki premis KKM. Penggunaan kad / pas akses tersebut sangat penting bagi meningkatkan kualiti keselamatan bangunan termasuklah keselamatan fizikal, dokumen, keselamatan ICT dan keselamatan personel KKM.

3. Sehubungan itu, sebagai peringatan kepada mana-mana individu yang menghilangkan kad / pas akses ke fasiliti KKM, semua kehilangan kad / pas akses akan dikenakan caj seperti berikut:

BIL.	Jenis pas / kad akses	Kadar Caj
1	Kad pengenalan jabatan / pas pelawat jenis kad akses (<i>proximity card</i>)	RM50
2	Kad pengenalan jabatan / pas pelawat jenis plastik <i>laminat</i> .	RM30

4. Walau bagaimanapun, tiada caj dikenakan kepada kes kehilangan kad pengenalan jabatan / pas pelawat akibat kecurian, samun, banjir dan lain-lain bencana alam. Sehubungan itu, pihak YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan adalah dipohon untuk memaklumkan semua fasiliti di bawah seliaan masing-masing mengenai perkara ini.

5. Kerjasama pihak YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan dalam perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DR. UZAILEE BIN ABDUL LATIFF)

b.p Ketua Setiausaha

Kementerian Kesihatan Malaysia

s.k KSU
KPK
TKSU(P)
TKPK (Perubatan)
TKPK (Kesihatan Awam)
TKPK (Penyelidikan & Sokongan Teknikal)